

1. **“CORRODE STYROFORM BOARD. FISH OIL MAY CAUSE CANCER”
OLEH AKHBAR SIN CHEW JIT POH BERTARIKH 3 APRIL 2010**
2. **“ FISH OIL CAPSULE MAY RESULT IN CANCER BECAUSE IT
CORRODES THE SURFACE OF POLYSTYRENE PACK” OLEH
AKHBAR NAN YANG SIANG PAU BERTARIKH 4 APRIL 2010
MUKASURAT A13**

KENYATAAN AKHBAR: KESELAMATAN PRODUK MINYAK IKAN

Produk *fish oil* (minyak ikan) telah digunakan secara meluas sebagai suplemen kesihatan di seluruh dunia dalam jangkamasa yang lama. Kandungan produk *fish oil* ialah *omega 3 fatty acids*, *eicosapentaenoic acid* (EPA) dan *docosahexaenoic acid* (DHA). Di Malaysia, terdapat 196 produk *fish oil* yang didaftarkan sebagai produk suplemen kesihatan dalam bentuk farmaseutikal (seperti kapsul dan emulsi) setelah diformulasi bersama bahan eksipien lain untuk menstabilkan produk. Produk *fish oil* yang didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah dipastikan keselamatan dan kualiti serta dikilangkan mengikut keperluan Amalan Pengilangan Baik. Produk-produk ini juga perlu menjalani ujian tahap dioksin bagi memastikan produk tidak tercemar oleh bahan pencemar persekitaran (*enviromental pollutant*).

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan program pemantauan bagi produk berdaftar yang terdapat di pasaran secara berterusan. Dari tahun 2002 hingga 2010, terdapat hanya 4 laporan kesan *advers* yang telah diterima oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) iaitu yang melibatkan kesan seperti cirit-birit, kembung perut, tidak bertenaga dan tiada selera makan.

Pihak kami sedar terdapat banyak artikel dalam internet yang mendakwa *fish oil* boleh melarutkan polystyrene. Namun begitu, laporan ini adalah bersifat teknikal dan tidak boleh dikaitkan secara terus dengan kesan kerosakan badan akibat penggunaan *fish oil*. Pihak BPFK akan terus memantau keselamatan produk-

produk berkenaan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan menerusi rangkaian regulatori.

Pengguna adalah digalakkan dan dinasihatkan supaya menghubungi pihak BPFK sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau keraguan berkaitan produk *fish oil*. Jika pengguna mengalami sebarang kesan sampingan atau mudarat akibat daripada penggunaan produk *fish oil*, sila laporkan kepada pihak BPFK di talian 03-78835400 atau menerusi faks 03-79581312 dengan menyatakan nama produk yang lengkap supaya siasatan lanjut dapat dijalankan. Pengguna juga boleh melaporkan sebarang kesan *advers* dengan menggunakan borang laporan kesan *advers* ubat yang boleh didapati daripada laman sesawang BPFK, www.bpfk.gov.my.

EISAH BINTI A RAHMAN
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

7 April 2010